

SCHUMACHER beri kesan besar dalam sukan F1 di Litar Sepang.



F1 beri impak besar kepada atlet negara

2017 FORMULA 1 PETRONAS MALAYSIA GRAND PRIX

F1 NALE

29-30 SEPTEMBER - 01 OCTOBER

CELEBRATING 19 YEARS OF F1® IN MALAYSIA

Saiful Affendy Sapran
saifulaffendy@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Penganjuran terakhir Grand Prix (GP) Formula Satu (F1) di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) bukan saja meninggalkan kesan besar kepada peminat tempatan tetapi juga barisan atlet ternama negara.

Rata-rata mereka berpendapat, adalah sesuatu yang menyedihkan apabila 1 Oktober ini akan menjadi perlumbaan terakhir F1 di SIC.

Bagaimanapun, mereka memahami pelbagai faktor yang mendorong kepada keputusan untuk menghentikan perlumbaan berprestij itu.

Juara dunia acara keirin, Azizulhasni Awang berkata, kejayaan menganjurkan F1 selama 19 tahun adalah satu pencapaian yang membanggakan untuk Malaysia.

"Saya percaya ia sudah meninggalkan banyak memori kepada rakyat Malaysia terutamanya peminat sukan permotoran di negara ini," katanya.

Atlet paralimpik negara, Abdul Latif Romly pula ber-

harap perlumbaan berprestij itu akan kembali dianjurkan semula di Malaysia pada masa depan.

"Sebab jenama F1 sudah meletakkan Malaysia di peta dunia sukan permotoran," katanya.

Atlet terjun negara, Leong Mun Yee juga senada dengan Latif apabila menyatakan F1 sudah membawa jenama Malaysia ke seluruh pelusuk dunia.

"Memang agak sedih kerana selepas 19 tahun, ini adalah penganjuran kali terakhir. Harap setiap peminat dapat memberikan yang terbaik sebagai kenangan paling indah kepada peminat di Malaysia," katanya.

Atlet lompat tinggi negara yang beraksi di Sukan Olimpik Rio tahun lalu, Nauraj Singh pula berkata, dia sendiri sering menyaksikan perlumbaan F1 terutamanya ketika zaman kanak-kanak.

"Perkara paling menarik adalah ketika upacara penyampaian hadiah.

"Mengenali perlumbaan ini sejak era Michael Schumacher sebagai pemandu, paling hebat di abad ini akan kekal dalam ingatan saya," katanya.



AZIZULHASNI



LATIF



MUN YEE



NAURAJ